S/K.KEW/PK/P/1100/000000/165/23 Jld. 9 SK 6 (2)

KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA

SURAT PEKELILING PERBENDAHARAAN BILANGAN 4 TAHUN 2011

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Ketua Badan Berkanun Persekutuan
Semua Pihak Berkuasa Tempatan

ARAHAN KEPADA SEMUA AGENSI KERAJAAN UNTUK MENGGUNAPAKAI SISTEM ePERUNDING BAGI SEMUA URUSAN PELANTIKAN PERKHIDMATAN PERUNDING UNTUK PROJEK PEMBANGUNAN FIZIKAL DAN KAJIAN KERAJAAN MULAI 6 JUN 2011

Latar Belakang

1. Kementerian Kewangan telah mengeluarkan peraturan baru perolehan perkhidmatan perunding melalui Surat Pekeliling Perbendaharaan (SPP) Bilangan 2 Tahun 2011. Melalui SPP tersebut, penurunan kuasa yang lebih besar diberikan kepada Agensi untuk memutuskan pelantikan perunding. Di samping itu, ia juga memperkenalkan pelantikan perunding melalui kaedah tender dan penilaian yang lebih komprehensif yang mengutamakan penilaian teknikal. Sehubungan dengan itu, Kementerian Kewangan juga telah membangunkan sistem e-Perunding bagi membolehkan urusan pelantikan perunding dipercepatkan dan diuruskan secara *online*. Sistem e-Perunding ini dapat membantu pelantikan perunding diuruskan dengan lebih telus di mana ia menggunakan maklumat data yang terkini.

Modul Sistem ePerunding

2. Sistem ePerunding mengandungi tiga (3) modul utama iaitu:

2.1. Modul Permohonan Perolehan Perkhidmatan Perunding :

(i) Modul Profil Firma
(ii) Modul Daftar Projek/Kajian
(iii) <u>Modul Permohonan Pelantikan Dan Kos Perunding:</u>
  (a) Modul Lantikan Terus Berserta Kos Siling
  (b) Modul Tender Terhad
  (c) Modul Tender Terbuka
(iv) Modul Muktamadkan Kos

(v) Modul Kos Tambahan
(vi) Modul Pembatalan Pelantikan Firma
(vii) Modul Carian Firma

2.2. Modul Merekod Lantikan; dan

2.3. Modul Penilaian Prestasi Perunding.

Penggunaan Sistem ePerunding

3. Kementerian Kewangan telah mengadakan beberapa siri latihan kepada semua Agensi Kerajaan mengenai penggunaan sistem e-Perunding. Selaras pengeluaran SPP Bilangan 2 Tahun 2011, semua Agensi Kerajaan hendaklah menggunakan sistem e-Perunding bagi penggunaan modul-modul di para 2 di atas kecuali modul Tender Terhad dan Tender Terbuka.

Capaian Ke Sistem ePerunding

4. Sebagai persediaan untuk menggunakan Sistem ePerunding bagi tujuan pelantikan perunding, Agensi adalah diminta untuk mengenal pasti dan menamakan pegawai-pegawai yang terlibat secara langsung di dalam perolehan perkhidmatan perunding serta mendapatkan katanama dan katalaluan dengan melengkapkan Borang Id ePerunding dan mengemukakan borang tersebut ke Kementerian Kewangan untuk kelulusan. Borang Id tersebut boleh dimuat turun melalui Portal Rasmi Sistem ePerunding di https://eperunding.treasury.gov.my. Bagi tujuan latihan untuk menggunakan Sistem ePerunding, Agensi boleh melawati Laman Tutorial di https://eperunding.treasury.gov.my/testv1 atau merujuk kepada *User Manual* yang telah dimuat naik di Portal Rasmi Sistem ePerunding sebagai panduan

Merekod Maklumat Perolehan Perkhidmatan Perunding

5. Sistem ePerunding juga dibangunkan bagi memenuhi hasrat Kerajaan untuk membina satu pusat pangkalan data untuk perolehan perkhidmatan perunding bagi semua projek/kajian Kerajaan. Pangkalan data tersebut akan digunakan sepenuhnya bagi tujuan semakan profail perunding, semakan pengalaman perunding dan lain-lain kriteria yang diperlukan bagi sesebuah projek/kajian serta bagi tujuan penghasilan statistik/laporan.

6. Bagi perolehan yang dilaksanakan secara *online*, data adalah direkod secara automatik oleh sistem dan buat masa ini, memandangkan semua perolehan tender perkhidmatan perunding tidak dilaksanakan secara *online*, perolehan tersebut hendaklah direkodkan ke dalam Sistem ePerunding.

7. Bagi meningkatkan integriti data, Kementerian Kewangan juga telah memanjangkan penggunaan Sistem ePerunding ini kepada semua firma-firma perunding yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan sebagai *Check and Balance* terutamanya untuk memastikan maklumat-maklumat pelantikan yang telah direkodkan adalah tepat dan yang terkini. Sehubungan itu, Agensi Kerajaan adalah bertanggungjawab dan hendaklah sentiasa mengemaskini dan memastikan kesahihan maklumat yang direkodkan.

Kuat Kuasa Penggunaan Sistem ePerunding

8. Semua Agensi Kerajaan hendaklah menggunakan semua modul (kecuali Modul Tender Terhad dan Modul Tender Terbuka) di dalam Sistem ePerunding untuk permohonan pelantikan perunding mulai 6 Jun 2011. Semua proses pelantikan perunding bagi kaedah Lantikan Terus Berserta Kos Siling secara manual selepas tarikh kuat kuasa adalah tidak dibenarkan. Manakala, bagi permohonan pelantikan perunding secara kaedah Tender Terhad dan Tender Terbuka buat masa ini adalah dilaksanakan secara manual berdasarkan peraturan yang telah ditetapkan di dalam SPP Bil 2 Tahun 2011 sehingga penggunaan secara *online* dimaklumkan kelak.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(Tan Sri Dr. Wan Abdul Aziz Wan Abdullah)
Ketua Setiausaha Perbendaharaan
Kementerian Kewangan

4 Mei 2011

s.k. Ketua Setiausaha Negara
Ketua Audit Negara Malaysia
Akauntan Negara Malaysia
Semua Pegawai Kewangan Negeri